

19 MAR 1996

Mahathir-CF

TIADA SYARAT TAMBAHAN BAGI PENGELUARAN CF, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 19 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan kerajaan-kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan bahawa pengeluaran sijil layak diduduki (CF) tidak tertakluk kepada syarat yang lain daripada yang telah ditetapkan oleh undang-undang.

Perdana Menteri berkata, syarat lain seperti kuota 30 peratus bangunan yang diperuntukkan kepada bumiputera belum dipenuhi, tidak dapat diterima kerana ia tidak tertakluk kepada syarat pengeluaran CF.

"Kalau ada syarat lain selain daripada yang ditetapkan oleh undang-undang, ia tidak boleh menghalang CF dikeluarkan" katanya semasa berucap pada majlis pelancaran Underwater World Langkawi, Langkawi Coral dan Zon Langkawi di sini.

Beliau berkata, akibat syarat seperti itu, bangunan yang telah siap tidak dapat diduduki kerana belum mempunyai CF dan akibatnya, pemaju dan pembeli terpaksa menanggung kerugian.

Beliau berkata, jemaah menteri telah mengeluarkan arahan supaya CF dikeluarkan dengan segera kepada pemilik bangunan apabila pemeriksaan yang dilakukan menunjukkan pemaju telah mematuhi segala syarat yang ditetapkan.

Beliau berkata syarat tambahan itu merupakan satu taktik "mengilas tangan" dan perkara itu hendaklah diberi perhatian serius oleh kerajaan negeri.

Ketika ditanya tentang adanya kerajaan negeri yang mengenakan syarat itu Perdana Menteri berkata: "Kadang-kadang memang ada yang mengamalkan (perbuatan) seperti itu -- jika belum mematuhi syarat yang ditetapkan, pembeli tak boleh masuk bangunan itu".

Underwater World Langkawi, bernilai RM100 juta, merupakan alam bawah air yang terbesar di Asia Tenggara dan mempamerkan pelbagai jenis hidupan laut. Projek itu dimajukan oleh Sriwani Holding Berhad.

Ia dibina di kawasan seluas 3,038 meter persegi yang mempunyai lebih 100 tangki air untuk menampung 500 spesies hidupan laut dan lebih 5,000 ikan termasuk ikan terbesar di dunia seperti "Arapaima" dan belut "Zebra Moray."

Langkawi Coral pula merupakan satu program pelayaran di atas kapal mewah "Catamaran" ke Taman Laut Pulau Payar. Pelayaran itu mengambil masa 45 minit.

Zon Langkawi, yang juga dimajukan oleh syarikat yang sama, merupakan pusat membeli belah di kawasan seluas 2,484 meter persegi dan menjual barangan bebas cukai seperti jam tangan, pakaian, alat solek, barangan elektrik.

Dr Mahathir ketika menyentuh pembangunan pelancongan di Langkawi berkata, sebagai sebuah tempat pelancongan yang unik, Langkawi harus menjaga soal kos atau perbelanjaan pelancong yang datang ke sini.

Katanya, walaupun pembangunan di Langkawi semakin pesat tetapi kos untuk melancong di sini mesti berada pada tahap yang rendah dan tidak membebankan pelancong kerana pelancong akan lari ke tempat jika mendapati melancong ke Langkawi melibatkan kos yang banyak.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Tan Sri Osman Aroff, anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri dan Pengarah Eksekutif Sriwani Holding Berhad, Razak Yahya. -- BERNAMA

MZM ZAA NMO